

Percepat transformasi digital antara 5 langkah perkasa ASEAN

• Sebagai pengerusi ASEAN 2025, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk memacu kemajuan dan memperkukuh integrasi serantau

• Malaysia berpotensi melaksanakan peranan utama dalam memajukan perpaduan, daya tahan dan daya saing ASEAN di pentas global

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang
dan Bank,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) ditubuhkan secara rasmi pada 2015 dengan matlamat mewujudkan satu pasaran dan asas pengeluaran tunggal serta memperkukuhkan integrasi ekonomi serta daya saing serantau dalam kalangan 10 negara anggota ASEAN.

Inisiatif ini mencatatkan kemajuan ketara dalam menghapuskan halangan perdagangan, meningkatkan hubungan pasaran dan menggalakkan kerjasama ekonomi.

Sehingga kini, ASEAN giat melaksanakan Pelan Induk AEC 2025 dengan tumpuan utama kepada perdagangan perkhidmatan, liberalisasi pelaburan dan inisiatif transformasi digital.

Antara perkembangan terkini, ASEAN menambah baik Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) dan memperkenalkan Rangka Kerja Pemudah Cara Perkhidmatan ASEAN untuk memperbaiki keadaan perdagangan serta pelaburan.

ASEAN juga menandatangani protokol meminda Perjanjian Pelaburan Komprehensif dan mengambil langkah mempertingkatkan perjanjian perdagangan bebas utama seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand.

Ekonomi serantau menunjukkan daya tahan dengan unjuran pertumbuhan sekitar 4.8 peratus pada 2024, didorong permintaan domestik kukuh, pemulihan eksport dan industri pelancongan.

Diakui AEC mencapai pelbagai kemajuan sejak itu, namun matlamatnya masih memerlukan usaha berterusan direalisasikan sepenuhnya.

Sebagai inisiatif integrasi ekonomi serantau, AEC bertujuan mewujudkan ASEAN sebagai pasaran tunggal dan pangkalan pengeluaran bersepadu dengan pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi antara negara anggota.

Dalam beberapa aspek, AEC memperlihatkan kejayaan ketara. Contohnya, liberalisasi perdagangan dalam kalangan negara anggota membawa kepada penghapusan atau pengurangan tarif berperingkat, meningkatkan aliran perdagangan dan menjadikan ASEAN sebagai antara kawasan perdagangan terbesar di dunia.

Ini memperkukuh hubungan perdagangan antara negara anggota dan memperkasakan peranan ASEAN dalam ekonomi global.

Di samping itu, ASEAN menjadi des-

tinasi pelaburan menarik, terutama dengan peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) dalam pelbagai sektor seperti pembuatan, teknologi maklumat dan perkhidmatan.

Ini disokong peraturan dan dasar kondusif bertujuan mempermudah pelaburan intra-ASEAN serta menarik pelaburan dari luar.

Usaha ke arah menyelaraskan peraturan perdagangan antara negara anggota melalui kerangka kerjasama juga memperbaiki iklim perdagangan, memudahkan penyelarasan amalan perdagangan dan mengurangkan halangan bukan tarif.

Di samping itu, terdapat projek infrastruktur serantau seperti koridor ekonomi ASEAN memperkukuh keterhubungan antara negara anggota, sekali gus mempercepatkan mobiliti barangan, perkhidmatan dan tenaga kerja.

Walaupun pencapaian ini signifikan, AEC masih menghadapi pelbagai cabaran boleh menghalang pencapaian matlamat integrasi ekonomi sepenuhnya.

Antara cabaran utama ialah perbezaan ekonomi antara negara anggota. Negara ASEAN mempunyai tahap pembangunan ekonomi berbeza dengan negara maju seperti Singapura jauh lebih berdaya saing dan mempunyai infrastruktur lebih baik berbanding anggota lain masih membangun.

Keadaan ini mewujudkan jurang perlu dirapatkan untuk memastikan manfaat ekonomi dapat dinikmati seimbang.

Selain itu, terdapat cabaran dari segi penyelarasan peraturan. Walaupun usaha diambil untuk menyelaraskan peraturan perdagangan dan pelaburan, terdapat banyak perbezaan undang-undang dan peraturan kebangsaan menjadi halangan untuk liberalisasi sepenuhnya.

Ini menyukarkan pelabur untuk mengemudi pelbagai peraturan di setiap negara anggota.

Cabaran perkukuh mobiliti tenaga mahir

Cabaran lain dihadapi AEC adalah dalam memperkukuh mobiliti tenaga kerja berkemahiran tinggi. Walaupun AEC berusaha menggalakkan pergerakan bebas tenaga kerja profesional, pelaksanaannya masih terhad akibat sekatan peraturan migrasi serta perbezaan dalam pengiktirafan kelayakan profesional antara negara anggota.

Perkara ini merencatkan aliran bakat dalam kalangan negara anggota. Tambahan pula, pembangunan infrastruktur di beberapa negara ASEAN masih ketinggalan, menyukarkan integrasi dan pergerakan rentas sempadan lebih cekap.

Satu lagi cabaran penting adalah kesenjangan dalam integrasi digital. Walaupun ASEAN sedang menuju ke arah ekonomi digital, jurang digital wujud antara negara anggota berpotensi memperlambatkan usaha integrasi ekonomi secara menyeluruh dan mengehadkan manfaat pasaran tunggal digital.

Di peringkat global pula, ASEAN berdepan persaingan sengit dan ketegangan geopolitik boleh menjejaskan kestabilan ekonomi serantau.

Faktor luaran seperti konflik perdagangan, perubahan dasar global dan ketidaktentuan geopolitik memberikan cabaran tambahan kepada usaha integrasi serantau ASEAN.

Bagi mengatasi semua cabaran ini, AEC perlu melaksanakan beberapa langkah strategik seperti menyelaraskan dasar dan reformasi, memperkukuh pembangunan infrastruktur serta keterhubungan serantau dan menggalakkan kerjasama dalam bidang digital.

Usaha berterusan memperkukuh pembangunan kapasiti bagi negara anggota lebih lemah dari segi ekonomi adalah penting untuk memastikan integrasi lebih kukuh dan manfaat dirasakan lebih meluas serta seimbang dalam kalangan negara ASEAN.

Sebagai pengerusi ASEAN 2025, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk memacu kemajuan dan memperkukuh integrasi serantau.

Bagi memperkasakan ASEAN, penulis mencadangkan beberapa langkah strategik boleh diambil Malaysia.

• **Mempercepatkan transformasi digital ASEAN:** Malaysia perlu menerajui usaha memperkukuh ekonomi digital ASEAN dengan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif termaktub dalam Pelan Induk Ekonomi Digital ASEAN 2025.

Ini termasuk meningkatkan infrastruktur digital, memperkukuh keterhubungan antara negara anggota dan mempromosikan ekonomi digital inklusif serta lestari. Kerjasama dalam aspek keselamatan siber juga harus dipertingkatkan untuk menangani ancaman siber semakin canggih.

• **Merapatkan jurang pembangunan:** Malaysia boleh berperanan penting dalam merapatkan jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN melalui sokongan terhadap pembangunan infrastruktur, kemudahan akses pendidikan dan penyaluran pelaburan kepada negara anggota kurang maju.

Inisiatif seperti membangunkan koridor ekonomi serantau dan menggalakkan pembangunan ekonomi inklusif akan mengurangkan ketidakseimbangan dalam ASEAN.

• **Memperkukuh keamanan dan kestabilan serantau:** Sebagai pengerusi, Malaysia perlu memimpin dialog terbuka dan inklusif mengenai isu keselamatan serantau, termasuk ketegangan geopolitik dan kebimbangan keselamatan maritim.

Dengan mempromosikan diplomasi kukuh, Malaysia boleh membantu ASEAN mengekalkan kedudukannya sebagai blok neutral dan berkesan dalam menangani konflik antarabangsa.

• **Menggalakkan pelaburan lestari:** Malaysia boleh memperjuangkan agenda pelaburan hijau dan lestari termasuk mempromosikan pelaburan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi sirkular bukan sahaja berupaya meningkatkan ekonomi, bahkan memelihara alam sekitar.

• **Meningkatkan keterlibatan dengan rakan strategik global:** Sebagai pengerusi, Malaysia perlu terus mengukuhkan hubungan ASEAN dengan kuasa besar global dan rakan dagang strategik seperti Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat (AS), China dan India untuk meningkatkan akses pasaran dan memperkukuh kedudukan geopolitik ASEAN.

Melalui pelaksanaan strategi ini, Malaysia berpotensi melaksanakan peranan utama dalam memajukan perpaduan, daya tahan dan daya saing ASEAN di pentas global.

